

AL-HIKMAH

Jilid 15 ISSN 1985-6822 2023
No. 2 1445

- PERSEPSI DAN SIKAP MUALAF TERHADAP IMPAK PANDEMIK COVID-19 DI TERENGGANU ... 1-21
Azarudin Awang, Norhana Abdullah @ Ng Siew Boey & Che Norzila Sulong
- PENGURUSAN PRASARANA DAKWAH MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN ... 22-40
Azizul Azra Abdul Razak, Mohd. Hisyam Abdul Rahim & Hafizah Abdul Jalil
- METODE LĀ QUDAH SEBAGAI PELENGKAP TASAWWUR DAKWAH AYAT 125 SURAH AL-NAHL: ANALISIS AL-MAWDU'I ... 41-55
Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi, Mohd Shukri Hanapi & Wan Nasyrudin Wan Abdullah
- TAHAP PENGUASAAN ASAS FARDU AIN DALAM MASYARAKAT ORANG ASLI DI NEGERI PAHANG ... 56-71
Halim Ismail, Nazatul Akmar Mokhtar, Ramlan Mustapha, Fahmi Abdul Razak, Auni 'Atikah Tazudin, Asmadi Abdul Rahman & Sh. Mohd Firdaus Sh. Othman
- KAJIAN SEJARAH DAN ANALISIS TEKSTUAL TERHADAP TRANSFORMASI AWAL PEMIKIRAN DALAM AGAMA KRISTIAN ... 72-94
Zaifuddin Md Rasip
- WAJAH FILEM ISLAMIK REPRESENTASI BUSANA DAN SOLEKAN: ANALISIS KANDUNGAN FILEM IMAM ... 95-106
Wawarah Saidpuddin & Md Rozalafri Johari
- PENINGKATAN KESEJAHTERAAN MASYARAKAT MELALUI PENGURUSAN EKONOMI ISLAM YANG ADIL ... 107-118
Amie Amelia
- HAD TA'LIF DAN SOKONGAN SOSIAL DALAM MENSEJAHTERAKAN MUALAF... 119-135
Abdul Ghafar Don, Anuar Puteh, Ahmad Irdha Mokhtar, Hasanah Abd Khafidz, Khazri Osman, Zulkefli Aini, Nur Nazira Rahim, Farid Zainal, Salhuddin Abu Samah

Pengurusan Prasarana Dakwah Menurut Perspektif Al-Quran

Preaching Infrastructure Management According to al-Quran Perspective

* AZIZUL AZRA ABDUL RAZAK
MOHD. HISYAM ABDUL RAHIM
HAFIZAH ABDUL JALIL

ABSTRAK

Prasarana dakwah merujuk usaha dalam menyebarluas seruan Islam dengan sistematis dan sempurna dengan menggunakan segala kemudahan-kemudahan yang telah tersedia mahupun akan dirancang penyediaannya. Namun, kefahaman berkenaan dengan prasarana dakwah agak kurang diperjelaskan khusus dalam aspek pengurusannya melalui tinjauan al-Quran. Justeru kajian ini bertujuan mengenalpasti aspek pengurusan prasarana dakwah menurut perspektif al-Quran serta mengenalpasti aktiviti pengurusan dakwah di dalamnya. Kajian perpustakaan dengan mengaplikasikan metode analisis data dan kandungan digunakan bagi mencapai objektif kajian ini. Hasil kajian telah mengenalpasti beberapa aspek penting perlu diketengahkan khusus dalam mengurus prasarana dakwah yang merujuk kepada beberapa aktiviti khusus seperti penyediaan, penyelenggaraan, pemulihan, pencatatan, pengawasan dan penyaluran yang menjadi asas dalam disiplin pengurusan dakwah. Implikasi kajian ini memberikan kefahaman yang jelas berkenaan dengan pengurusan prasarana dakwah serta aktiviti-aktivitinya yang perlu dipertingkatkan untuk dibangunkan dan menjadi mekanisme terbaik dalam konteks dakwah semasa menurut perspektif al-Quran.

Kata kunci: *Pengurusan, prasarana, dakwah, al-Quran.*

ABSTRACT

Preaching infrastructure refers to efforts to spread the call of Islam systematically and perfectly by using all the facilities that are available or planned to be provided. However, in the context of Malaysia, the understanding of the da'wah infrastructure is less clarified specifically through a review of the Qur'an, specifically in its management aspect. Thus, this study tries to highlight aspects of infrastructure management according to the perspective of the Quran and analyze the management activities in it. Library research by applying data and content analysis methods is used for this research to achieve the objectives of the study. The results of the study

have identified several important aspects that need to be explicitly highlighted in managing da'wah infrastructure, which refers to some specific activities such as preparation, maintenance, recovery, recording, supervision and distribution, which are the basis of da'wah management discipline. The implications of this study provide a clear understanding of the management of da'wah infrastructure and its activities that need to be improved to be developed and become the best mechanism in the current da'wah context according to the Quranic perspective.

Keywords: Management, infrastructure, da'wah, al-Quran.

Received : 2 July 2023

Revised : 30 August 2023

Accepted : 12 September 2023

Published : 31 December 2023

PENDAHULUAN

Era baru peralihan zaman membawa dakwah ke medan yang lebih mencabar. Arus globalisasi dan kemajuan dalam pelbagai sektor samada pendidikan, kesihatan, kemasyarakatan dan ekonomi menjadikan masyarakat terbuka adalah suatu yang realiti. Bermula era ini maka bertambah cabaran serta isu-isu dalam menyebarkan dakwah Islamiah. Tanggungjawab menguruskan perancangan yang akan dilaksanakan mesti dilakukan dengan penuh teliti mengambil kira aspek perancangan, sumber manusia dan juga prasarana dan kemudahan yang akan digunakan.

Kadangkala terdapat prasarana dan kemudahan dakwah yang telah dibina tidak memenuhi keperluan dan kesesuaian sesuatu keadaan dalam sesebuah kelompok masyarakat. malah terdapat kemudahan yang tidak digunakan dengan sebaik mungkin. Ada pandangan yang menyatakan bahawa keperluan pengurusan prasarana dakwah pada masa kini perlu lebih selaras dan pelaksanaannya yang lebih kontemporari agar mudah diterima oleh masyarakat pada masa kini (Burhanuddin, Amnah & Sayuti 2018).

Al-Quran merupakan panduan utama bagi melaksanakan dakwah. Isi dan kaedah bagi melaksanakan usaha dakwah dinyatakan secara jelas atau disampaikan dalam bentuk cerita melalui kisah yang dilalui oleh para nabi. Terdapat banyak kajian lepas yang mengupas tentang aspek dakwah berdasarkan al-Quran namun masih belum terdapat kajian yang membincangkan secara khusus dari sudut pengurusan prasarana dakwah. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti aspek pengurusan prasarana dakwah menurut perspektif al-Quran serta mengenalpasti aktiviti pengurusan dakwah yang terkandung di dalam Kitabullah tersebut.

KONSEP PRASARANA DAKWAH

Prasarana merujuk kepada kemudahan dan perkhidmatan asas seperti kemudahan pengangkutan, perhubungan, pendidikan, kesihatan serta pelbagai kemudahan lain yang perlu bagi pembangunan dan kemajuan sesebuah komuniti, organisasi dan negara (DBP 2015). Maka dalam konteks dakwah, prasarana dakwah dapat diertikan sebagai segala sesuatu yang menjadi tunjang utama bagi terlaksananya sesuatu proses dakwah.

Oleh yang demikian, pengurusan prasarana dakwah merujuk kepada proses menyedia dan menyelenggara kemudahan infrastruktur yang tertumpu kepada beberapa sektor utama iaitu pendidikan, kesihatan, ekonomi, sosial, perhubungan dan komunikasi prasarana dakwah. Urus tadbir yang cekap akan membentuk sebuah prasarana dakwah itu menjadi lebih efesien dan bersistematis. Pengurusan prasarana dakwah merangkumi aspek penyediaan prasarana dakwah dan juga penyelenggaraan prasarana dakwah.

PENGURUSAN PRASARANA DAKWAH MENURUT AL-QURAN

Prasarana dakwah perlu diurus terutama dari sudut pengurusan prasarannya. Impak pengurusan prasarana sebagai watak penting dalam aktiviti prasarana dakwah ini membawa kepada perubahan dalam sistem prasarana dakwah kontemporari moden yang berteraskan prinsip-prinsip Islam yang syumul dan bersifat kolektif (Arieff Salleh & Yahaya 2014).

Pengurusan prasarana ini juga dijelaskan oleh Allah SWT mengenai keyakinan dan keimanan manusia terhadap penciptanya yang menjadi sebenar-benar pengurus tanpa perlu bergantung kepada yang lain, ianya akan memimpin manusia menjadi pengurus yang terbaik. Firman Allah SWT:

Maksudnya: “*Tiada ada paksaan dalam agama (Islam), kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan (kufur). Oleh itu, sesiapa yang tidak percayakan taghut dan ia pula beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada simpulan (tali agama) yang teguh, yang tidak akan putus. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui. Allah Pelindung (Yang mengawal dan menolong) orang-orang yang beriman. Ia mengeluarkan mereka dari kegelapan (kufur) kepada cahaya (iman). Dan orang-orang yang kafir, penolong-penolong mereka ialah Taguht, yang mengeluarkan mereka dari cahaya (iman) kepada kegelapan (kufur). Mereka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya.*”

(Surah al-Baqarah 2: 256-257)

Hamka (1990) pula menyatakan dalam ayat ini bahawa para pengurus prasarana dakwah yang memiliki iman yang subur, maka mereka akan dipelihara, dididik, disyariatkan dan dimajukan oleh Allah SWT. Sebaliknya bagi mereka yang mempercayai kekuasaan yang lain tidak mempunyai sebarang petunjuk yang benar dari Allah SWT. Hubungan yang langsung dengan Allah SWT, tidak menggunakan perantaraan dan menyebabkan jiwa manusia disinari dengan cahaya dari ilahi. Sebab iman kepada Allah SWT itu membawa kepada terbukanya akal fikiran yang murni. Iman membawanya tunduk kepada syariat dan peraturanNya. Iman menimbulkan ukhuwah Islamiyah dan menyuburkan hidup berjemaah. Iman menimbulkan masyarakat yang bercorak Islam.

Dari penjelasan di atas, jelas bahawa manusia yang dilantik sebagai pengurus dan penguasa juga perlu menjaga hak kehidupan manusia dengan menyediakan keperluan-keperluan seperti makanan, pakaian, tempat tinggal yang sesuai agar kehidupan menjadi lebih sempurna atas petunjuk Ilahi (Arieff Salleh & Yahaya 2014).

Dengan mengambil contoh tauladan pengurusan prasarana dakwah Rasulullah SAW ketika awal pengembangan agama Islam di Madinah iaitu antaranya dengan membangunkan masjid dan menjadikannya sebagai sebuah institusi sentral. Sejak di zaman Rasulullah SAW hingga ke hari ini, masjid bukan sehaja menjadi tempat melaksanakan ritual ibadah, tetapi juga untuk mempereratkan silaturrahim, membangun perpaduan, menyediakan media (kemudahan) untuk mobilisasi sumber manusia dan pengurusan kewangan masyarakat Islam. (Muchlis et.al: 2019)

Dalam konteks semasa, pengurusan prasarana dakwah jika diaplikasikan dalam pengurusan dan pentadbiran institusi dakwah, seharusnya ia mempunyai elemen-elemen utama dalam pengurusan agar usaha dan gerak kerja mengurus aset prasarana dakwah tersebut akan lebih terancang dan seterusnya dapat mencapai matlamat dakwah itu sendiri. Elemen-elemen tersebut ialah membuat keputusan, perancangan, peimpinan, pengorganisasian, dorongan, komunikasi dan penyelarasaran (Burhanuddin Abdul Jalal 2007).

Selain itu juga, keperluan prasarana dakwah yang diperlukan pada masa kini adalah seperti prasarana masjid. Masjid merupakan salah satu pusat gerakan kebangkitan Islam dalam pelbagai dimensi yang merujuk kepada tempat berkumpul umat Islam untuk menunaikan ibadah. Selain itu, masjid juga adalah tempat perbincangan mengenai survival umat Islam dalam bidang social, politik, ekonomi, kebudayaan, kegiatan ilmiah dan sebagainya. Pada asalnya, konsep masjid seperti yang disarankan oleh Rasulullah SAW tidak memerlukan tempat yang khusus untuk dijadikan

tempat beribadah. Ini adalah kerana tujuan asas masjid didirikan sebagaimana yang diperintahkan oleh al-Quran ialah untuk merealisasikan konsep taqwa. Malamat yang ingin dicapai daripada konsep taqwa ini ialah menjana masyarakat bertaqwah. Sehubungan itu, Islam menolak pembinaan dan perlaksanaan fungsi masjid yang menyimpang daripada asas taqwa dan ibadah terhadap Allah SWT (Abd. Ghafar & Kamaruzzaman 1999).

PEMBAHAGIAN PENGURUSAN PRASARANA DAKWAH

Pengurusan prasarana dakwah di bahagikan kepada dua bahagian iaitu:

1. Penyediaan prasarana dakwah
2. Penyelenggaran prasarana dakwah

Penyediaan Prasarana Dakwah

Menurut pandangan Muhammad Abdurrahman (t.th) di dalam tafsir al-Manar sebagaimana yang telah dijelaskan bahawa bentuk penyediaan prasarana dakwah adalah meliputi empat bentuk iaitu,

- a) Al-Da'wah fi nafsih (Persediaan diri individu)
- b) Al-Da'wah al-Fardhiyyah
- c) Al-Da'wah al-Ummah
- d) Da'i profesional (Takwin al-Du'at)

Al-Da'wah fi nafsih (persediaan diri individu)

Pemikiran Muhammad Abdurrahman mengenai penjelasan al-da'iyah fi nafsih (prasaranan dakwah intrapersonal) iaitu dapat dilihat ketika beliau menafsirkan surah al-Nisa' ayat 48-49. Firman Allah SWT:

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa syirik mempersekuatkanNya (dengan sesuatu apa jua), dan akan mengampunkan dosa yang lain dari itu bagi sesiapa yang dikehendakiNya (menurut aturan SyariatNya). Dan sesiapa yang mempersekuatkan Allah (dengan sesuatu yang lain), maka sesungguhnya ia telah melakukan dosa yang besar”. “Tidakkah engkau perhatikan (dan merasa pelik wahai Muhammad) kepada orang-orang yang membersihkan (memuji) diri sendiri? (padahal perkara itu bukan hak manusia) bahkan Allah jualah yang berhak membersihkan (memuji) sesiapa yang dikehendakiNya; dan mereka

pula tidak akan dianiaya (atau dikurangkan balasan mereka) sedikitpun.”

(Surah al-Nisa' 4: 48-49)

Muhammad Abduh menyatakan bahawa hikmah tidak diampuni dosa syirik itu adalah kerana sesungguhnya agama tidak disyariatkan kecuali untuk tujuan menyucikan jiwa manusia (al-tazkiah al-nufus al-nas), menyucikan ruh mereka (tathir arwahihim) dan meningkatkan akal mereka (tarqiyah uqluhim). Menurut beliau lagi bahawa Allah SWT telah menegaskan mengenai syirik (menyengutukan Allah SWT dengan selainnya) sebagai dosa yang amat besar dan tidak akan diampuni dan penegasan kepada fungsi ajaran Islam sebagai medan menyucikan diri manusia dari aqidah dan amaliah yang batil (Muhammad Abduh, t.t).

Dari penjelasan Muhammad Abduh tersebut, dapat difahami bahawa interaksi antara da'i dan mad'u adalah dengan cara memperbaiki dan mencari penyelesaian masalah kejiwaan yang disebut sebagai al-dai'yah fi nafsih dalam diri individu muslim itu sendiri. Malah menurut beliau lagi, fungsi agama Islam telah banyak diabaikan oleh individu muslim pada zamannya adalah tazkiyyah al-nufus (penyucian jiwa), tathhir al-arwah (penyucian ruh) dan juga tarqiyah al-uql (peningkatan akal).

Persediaan diri individu sebelum turun dalam lapangan mengurus prasarana dakwah memerlukan kepada dua perkara penting iaitu:

Pertama, menjernihkan ruh dan memurnikan akal dari keyakinan-keyakinan yang mengelirukan seperti kepercayaan kekuasaan sesama makhluk agar tidak tunduk menyembah antara keduanya sedangkan kemuliaan dan kesempurnaan adalah lebih diberikan kepada individu itu sendiri.

Kedua, memperbetulkan niat di dalam hati agar melakukan setiap kegiatan hidup hanya kerana Allah SWT bukan kerana makhluk. Sifat keikhlasan ini mendidik jiwa seseorang itu untuk menunaikan seluruh kewajipan moral dan peradaban sehingga terbinanya sebuah masyarakat madani (Muhammad Abduh, t.t).

Selain itu, menurut Muhammad Abduh, gangguan kesihatan mental dan penyakit jiwa individu dan masyarakat umum dalam bentuk perilaku syirk (menyengutukan Allah SWT). Maka solusi bagi menyelesaikan permasalahan ini adalah hanya dengan mentauhidkan Allah SWT. Mengenai perilaku lahiriah manusia, ianya merupakan manifestasi dari perilaku potensi dalaman manusia dan ianya adalah sebahagian dari sunnatullah. Dalam hal ini, Muhammad Abduh menegaskan, sesungguhnya apa yang diketahui dari hukum alam berkaitan dengan manusia bahawa keyakinan dalam hati manusia itu adalah berkait rapat dengan daya dorongan yang kuat terhadap perilaku secara fizikal. Ini bermaksud seluruh kegiatan orang yang

beriman pasti mengikut tahap keimanannya kecuali terlupa atau jahil (Muhammad Abduh, t.th).

Penyediaan pelaksana prasarana dakwah perlu memfokuskan kepada aspek nafsiyyah ini diyakini oleh Muhammad Abduh memiliki fungsi sebagai kaedah penyelesaian (solusi) penyakit hati yang terdiri dari syirk (menyekutukan Allah SWT), nifaq (kepercayaan yang salah) riyā' (beramal bukan kerana Allah SWT) al-hazn (sedih yang negatif), al-khauf (takut yang negatif), al-jahl (bodoh), al-taqlid (ikut-ikutan), khiyanah (ingkar janji), su' al-khhuluq (berperilaku keji), al-ham (bingung) (Muhammad Abduh t.th). Manakala al-Syarqawi (1984) menambah penyakit hati seperti al-ghadhab (marah), al-ghaflah (lupa dengan sengaja) al-wiswas (keraguan), al-ya'su (putus asa), al-ghurur (tipu daya), al-ujb (membangga diri) dan al-hiqd (dengki).

Penyediaan *da'i al-Da'wah al-Fardhiyyah*

Muhammad Abduh telah memberi penjelasan bentuk yang kedua iaitu dengan menyediakan prasarana *al-da'wah al-fardhiyyah*. Penyediaan pelaksana prasarana dakwah ini lebih memfokuskan ke arah membina keperibadian *da'i* bersama ahli-ahli (kelompok) yang lain ketika berlangsungnya proses mengurus prasarana dakwah. Beberapa beberapa cara boleh digunakan dalam bentuk dakwah ini iaitu:

- i. *Dilalah al-khayr* (memberikan petunjuk kepada kebaikan).
- ii. *Al-hats ala al-khayr* (motivasi melakukan kebaikan).
- iii. *Al-nahy ala al-syar* (mencegah keburukan).
- iv. *Al-tahzir min al-syar* (memperingatkan agar menghindari keburukan).
- v. *Al-tawshiyah bi al-haq* (saling mengingatkan dengan kebenaran).
- vi. *Al-tawshiyah bi al-shabr* (saling mengingatkan dengan kesabaran) (Muhammad Abduh, t.th).

Mengenai pentingnya interaksi antara individu sama ada perseorangan atau kelompok, Muhammad Abduh menegaskan bahawa, Allah SWT telah memperkasakan manusia dengan anugerahnya berupa ilmu pengetahuan dan kekuatan dalam rangka mengatasi berbagai rintangan, berupaya mengatasi pelbagai kemungkinan dan Allah SWT akan membantu mengatasi sebahagian permasalah lain. Oleh kerana ini, semestinya *da'i* berusaha semampunya mengerah tenaga untuk bekerja bersama-sama secara optimum mengikut kemampuan yang dimilikinya. Kerjasama ini amat diperlukan agar wujud kerjasama dan saling bantu membantu antara satu sama lain (Muhammad Abduh, t.th).

Muhammad Abduh menghubungkan dengan ayat al-Quran surah al-Maidah ayat 2 iaitu bahagian dari ketentuan melaksanakan ibadah haji dan

perintah saling tolong menolong dalam kebaikan dan sebaliknya. Firman Allah SWT:

Maksudnya: “*Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertakwalah kepada Alla, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya)*”

(Surah al-Ma’idah 5: 2)

Selain penegasan di atas, Muhammad Abduh juga meyakini bahawa, manusia hanya dapat memperoleh harta dari orang lain melalui pekerjaan yang dilakukan bersama majikannya. Ini bermaksud mereka tidak akan berjaya apabila tidak mampu bekerja atas sebab masalah-masalah atau kekangan tertentu yang dialami. Jika hal ini berlaku, menjadi tugas manusia untuk menuntun dan membantunya agar nilai-nilai sosial dan kemaslahatan setiap individu itu dapat dijaga (Muhammad Abduh: t.th). Ungkapan ini adalah dari Muhammad Abduh dalam menafsirkan sebahagian ayat dari surah al-Baqarah ayat 43. Firman Allah SWT:

Maksudnya: “*Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat, dan rukuklah kamu semua (berjamaah) bersama-sama orang yang rukuk*”

(Surah al-Baqarah 2: 43)

Al-Da’wah al-Ummah

Penyediaan prasarana berbentuk *al-da’wah al-ummah*, menurut Muhammad Abduh merupakan suatu kewajipan berupa implementasi (*tathbiq*) hukum-hukum Allah SWT dengan menumpukan kepada aktiviti *amr ma’ruf nahi munkar*. Muhammad Abduh menyatakan bahawa fungsi utama keperluan dalam menyediakan prasarana dakwah adalah untuk menyeru manusia kembali ke pangkuhan Islam, seterusnya jika mereka memenuhiya hendaklah menyeru mereka akan kebaikan dan mencegah dari melakukan kemungkaran. Adapun perkara ini tidak akan berjaya tanpa ada usaha untuk menyedarkan dan menyatukan semua pihak agar dapat mendidik jiwa bersama-sama menyedari tugas dalam membina kesatuan yang luhur lagi mulia. Kesedaran ini akan melemahkan keinginan peribadi dan menyembuhkan jiwa-jiwa yang rosak (Muhammad Abduh, t.th). Ungkapan Muhammad Abduh ini merujuk kepada penafsiran surah al-Haj ayat 41 mengenai keharusan *tamkin ummah*. Firman Allah SWT:

Maksudnya: “*(Iaitu) orang-orang yang jika Kami berikan kedudukan di bumi, mereka melaksanakan solat, menunaikan*

zakat, dan menyuruh berbuat makruf dan mencegah dari yang mungkar, dan kepada Allahlah kembali segala urusan.”

(Surah al-Haj 22: 41)

Daripada pemikiran Muhammad Abduh mengenai prasarana *da’wah al-ummah* seperti di atas, maka jelas sasaran aktiviti *amr ma’ruf nahi munkar* sebagai suatu usaha dalam memelihara kesatuan umat dan mencegah dari perpecahan. Selain itu, Muhammad Abduh juga mengatakan bahawa *amr ma’ruf nahi munkar* merupakan usaha memperbaiki dan mewujudkan kemaslahatan umat dengan melaksanakan segala kewajipan dalam agama.

Pelaksanaan *amr ma’ruf nahi munkar* merupakan sebahagian dari tujuan penyediaan prasarana *da’wah ummah* yang penting. Kepentingannya adalah sebagai *khay ummah* sepertimana yang ditunjukkan di dalam al-Quran surah Ali Imran ayat 110. Firman Allah SWT:

Maksudnya: “*Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman).*”

(Surah Ali-Imran 3: 110)

Dari ayat ini menurut Muhammad Abduh, menunjukkan bahawa, kebaikan dan keunggulan umat Islam jika dibandingkan dengan umat-umat yang lain terletak pada aspek-aspek berikut iaitu memerintahkan melakukan kebaikan, mencegah kemungkaran dan keimanan kepada Allah SWT (Muhammad Abduh, t.th).

Muhammad Abduh juga berpendapat bahawa, hendaklah dibezaikan antara *nahy* (mencegah) dengan *taghyir* (mengubah) sebagaimana yang ditegaskan dalam pepatah bahawa, mencegah adalah lebih baik dari mengubati. Kuasa dan kemampuan untuk mencegah bukan terletak pada sesetengah pihak malah jika perlu hendaklah dilaporkan kesalahan tersebut kepada pemerintah atau pemimpin yang mempunyai kuasa autoriti untuk mencegah (Muhammad Abduh, t.th).

Sudah menjadi sebahagian dari realiti hidup bermasyarakat yang terdiri dari golongan pemimpin dan yang dipimpin. Pemimpin memiliki kuasa autoriti sebagai salah satu fungsi dari kepimpinannya, sehingga ia dapat mempengaruhi perilaku anggota kelompok yang dipimpinnya. *Da’i* dalam hal ini berfungsi dijadikan sebagai pemimpin. Ketika fungsinya menjadi pemimpin maka akan lahir pengikutnya dari kalangan anggota masyarakat. pengikut ini adalah didorong kepada daya tarikan yang dimiliki

oleh pemimpin dan kemampuan pemimpin itu sendiri menggunakan teknik kepimpinannya untuk mempengaruhi masyarakat. Ketika menjalankan tugas khususnya aktiviti *nahy munkar* dan *taghyir munkar* akan lebih besar peluang yang akan terhasil apabila mempunyai ciri-ciri kepimpinan tersebut (Syukriadi 2009).

Da'i Profesional (Takwin al-Du'at)

Istilah pembinaan *da'i* profesional (*takwin al-du'at*) ini digunakan sebagai merealisasikan perintah kewajipan dakwah (*amar taqwin*) atau perintah pembentukan para pelaksana dakwah (*da'i*) yang terdidik, terlatih dan berketerampilan memenuhi ciri-ciri pendakwah profesional. Istilah ini telah digunakan sebagai khawash al-ummah (individu terpilih dengan tugas-tugas sebagai *da'i*) (Muhammad Abdurrahman: t.th).

Selain itu, keperluan penyediaan kader *da'i* meneruskan kerja *da'i* sebelumnya dan ianya berlaku secara berterusan. Ini kerana di peringkat awal perkembangan Islam, para sahabat yang majoritinya terdiri daripada pelajar-pelajar yang terdedah kepada sistem pembelajaran secara formal dalam majlis-majlis ilmu anjuran Rasulullah (*al-Suffah*), hingga ke satu peringkat bagaimana mereka membangun dan mempersiapkan diri hingga menjadi penggerak penyambung risalah Islam sehingga ke luar dari Semenanjung Tanah Arab dengan menjadi pendakwah, duta Rasulullah dan sebagainya, pokoknya mereka telah dilahirkan menjadi satu generasi yang dapat memberi manfaat ke seluruh dunia sehingga ke hari ini (Ahmad Mohd Noor Firdaus & Khairunnisa A. Shukor, 2019).

Di dalam surah al-Taubah ayat 122 memberikan jawapan peri pentingnya keperluan kader *da'i* sebelum proses *tafaquh fi al-din*. Firman Allah SWT:

Maksudnya: “*Dan tidaklah (betul dan elok) orang-orang yang beriman keluar semuanya (pergi berperang); oleh itu, hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka, supaya orang-orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut di dalam agama, dan supaya mereka dapat mengajar kaumnya (yang keluar berjuang) apabila orang-orang itu kembali kepada mereka; mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga (dari melalukan larangan Allah).*”

(Surah al-Taubah 9: 122)

Ayat di atas menegaskan agar pembahagian tugas dalam struktur *khayr ummah*. Bermaksud pembahagian tugas adalah tidak sama disebabkan keperluan lain iaitu *takwin da'i* secara profesional bertujuan mewujudkan

rantaian dakwah secara berterusan. Manakala kalimah *liyunzira* dan *yahzarun* merupakan sebahagian dari aktiviti dakwah Islam (Muhammad Abduh, t.t).

Manakala pendapat Abdullah Syahatah (1978) menambah dengan perkara-perkara yang perlu dalam menyediakan prasarana latihan kader *da'i* profesional (keperluan fizikal: prasarana dakwah) adalah:

- i. Hendaklah mereka memahami dan mampu menggunakan media massa moden untuk menyebarluaskan nasihat-nasihat dakwah (tugas menyediakan kemudahan teknologi maklumat yang moden),
- ii. Mendirikan pusat-pusat dakwah Islamiah untuk menyelenggarakan kegiatan pengkaderan *da'i* profesional (prasarana kemudahan pusat latihan)
- iii. Persiapan dalam penempatan tenaga *da'i* profesional ke seluruh pelusuk dunia dengan peralatan dan pengangkutan yang secukupnya (logistik dakwah).
- iv. Menyediakan dana dan sarana yang diperlukan untuk kelancaran pelaksanaan dakwah oleh kader *da'i* profesional.
- v. Para *da'i* yang telah dilatih harus mencipta dan menyediakan suasana persekitaran yang kondusif dalam proses pelaksanaan ajaran Islam kepada *mad'u*.

Dalam konteks semasa, menurut Quraish Shihab (2002) menyatakan bahawa keperluan masyarakat pada masa kini adalah berkaitan kemudahan informasi yang amat pesat dengan sajian-sajian baru yang mengandungi pelbagai nilai-nilai berunsur negatif yang sering kali menimbulkan pelbagai masalah sosial, kesemua ini memerlukan adanya satu kelompok khusus dalam menangani masalah tersebut. Kerana itu adalah lebih tepat dalam memahami kata '*minkum*' (surah ali-Imran: 104) dalam erti sebahagian kelompok sahaja yang menangani secara profesional disamping kewajipan setiap Muslim saling ingat mengingati. Firman Allah SWT dalam surah al-Asr yang menilai semua manusia dalam kerugian, kecuali mereka yang beriman dan beramal saleh serta saling mengingatkan tentang kebenaran dan kesabaran.

Sayyid Qutb (1992) pula menyatakan berkenaan keperluan kelompok yang perlu bertanggungjawab dalam menyelesaikan permasalah semasa iaitu berpandukan kepada surah Ali-Imran ayat 104 bahawa penggunaan dua kata yang berbeza dalam ayat tersebut menunjukkan keharusan adanya dua kelompok dalam masyarakat Islam; kelompok pertama, bertugas mengajak dan kelompok kedua, bertugas memerintah atau menyuruh dan melarang. Kelompok kedua perlu memegang kuasa atau dari kalangan pemimpin kerana tanpa jawatan atau kuasa yang dimiliki tugas *amar makruf* dan *nahi mungkar* sukar dilaksanakan.

Justeru itu peri pentingnya penyediaan prasarana dalam melahirkan *da'i* profesional ini amat diperlukan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan agar segala kemudahan-kemudahan yang diperlukan dapat disediakan dengan secukupnya disamping penguasaan ilmu dakwah dan pengamalannya di dalam diri pendakwah itu sendiri.

Daripada maklumat dan analisis yang dilakukan ke atas bentuk dakwah dan *da'i* profesional yang telah dikemukakan oleh Muhammad Abdurrahman, maka dapat disimpulkan disini bahawa kajian berkenaan penyediaan prasarana dakwah adalah seperti berikut,

- i. *Al-Da'wah fi nafsih* merupakan penyediaan diri individu *da'i* sebelum dilantik sebagai pengurus atau pelaksana prasarana dakwah
- ii. *Al-da'wah al-Fardhiyyah* pula merupakan interaksi *da'i* bersama kelompok kecil dalam usaha merealisasikan sebuah kelompok atau kumpulan yang akan mengurus prasarana dakwah bersama-sama. Tujuannya hanyalah untuk menjadikan sesebuah prasarana institusi dakwah yang diurus secara sistematik.
- iii. *Da'wah al-ummah* pula merupakan proses mengimplementasikan *al-Islam* dalam struktur kehidupan manusia, sebagai indikator dari *khairu ummah* dan *ummah wasatha*, melalui *amr ma'ruf nahi munkar*.

Takwin al-du'at sebagai membina *da'i* profesional adalah sebahagian dari tanggungjawab umat agar proses dakwah Islam dapat dilaksanakan secara berterusan dan sistematik. Melalui pembentukan kader *da'i* profesional ini mereka akan terdidik dengan menguasai ilmu Islam dan mempunyai karakteristik dan berketerampilan dalam melaksanakan kewajipan berdakwah. Proses pembentukannya adalah melalui prinsip-prinsip *al-iwa al-qawi*, *al-tarbiyah al-ilmiyah*, *al-yus al-madi* dan *al-tadarruj*.

Penyelenggaraan Prasarana Dakwah

Penyelenggaraan prasarana dakwah boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian tertentu iaitu:

- a. Pencatatan prasarana dakwah
- b. Pengawasan prasarana dakwah
- c. Penyelenggaraan prasarana dakwah

Pencatatan prasarana dakwah (audit prasarana dakwah)

Salah satu aktiviti dalam pengurusan prasarana dakwah adalah mencatat semua prasarana yang dimiliki oleh individu atau organisasi dakwah. Istilah

inventarisasi juga bermaksud aktiviti pencatatan dan penyusunan daftar hak milik kerajaan secara sistematis.

Inventarisasi (pencatatan) merupakan kegiatan mencatat dan menyusun prasarana yang sedia ada secara teratur, tersusun dan lengkap berdasarkan ketentuan yang berlaku. Dalam al-Quran tersirat ayat-ayat yang memberikan dorongan untuk melakukan inventarisasi barang keperluan iaitu surah al-Baqarah ayat 282. Firman Allah SWT:

Maksudnya: “*Wahai orang-orang yang beriman apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga diberi tempoh hingga ke suatu masa yang ditentukan (meliputi segala jenis muamalah sama ada urusan jual beli, hutang piutang, sewa menyewa dan sebagainya), maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu.*”

(Surah al-Baqarah 2: 282)

Hal ini merupakan petunjuk Allah SWT untuk hamba-hambaNya yang mukmin apabila mereka melakukan muamalah secara tidak tunai, iaitu hendaklah mereka mencatatkannya; kerana catatan itu lebih memelihara jumlah barang dan masa bayarannya serta lebih tegas bagi orang yang menyaksikannya.

Ayat tentang *dayn* atau hutang merupakan ayat yang paling panjang dalam al-Quran al-karim. Ia merupakan panduan daripada Allah SWT kepada hamba-hambaNya yang mukmin. Apabila mereka bermuamalah dengan muamalah yang bertangguh, maka mereka perlu menulis dan mencatatnya. Hal ini agar ia lebih tepat tentang kadar dan masanya, juga lebih mantap dari segi penyaksianya. (Ibn Kathir: 1999).

Tujuan dibuat catatan ini juga telah dijelaskan oleh Allah SWT dalam ayat yang sama, iaitu firman Allah SWT yang bermaksud: “*Yang demikian itu, lebih adil di sisi Allah dan lebih menguatkan persaksian dan lebih dekat kepada tidak (menimbulkan) keraguanmu*”.

Ibn Kathir (1999) menyatakan bahawa ayat ini bukan sahaja menyebut tentang hutang, bahkan ia secara tidak langsung juga menyentuh tentang jualbeli (muamalah). Ini berdasarkan satu tafsiran yang diriwayatkan daripada ibn Abbas tentang firman Allah SWT yang bermaksud: “*Wahai orang yang beriman, apabila kamu bermuamalah tidak secara tunai untuk waktu yang ditentukan, hendaklah kamu menulisnya*”. Yakni ia diturunkan mengenai jualan *salam* hingga ke satu tempoh yang diketahui (ditentukan).

Dalam ayat di atas, Allah SWT menyatakan bahawa apabila kamu bermuamalah secara tidak tunai maka hendaklah kamu mencatatnya. Sekalipun terdapat *khilaf* dalam kalangan para ulama tentang kewajipan membuat catatan ini, namun catatan merupakan salah satu cara yang paling

ampuh dalam merekodkan sesuatu aktiviti khususnya aktiviti kewangan. Membuat catatan merupakan syarat pertama yang dijelaskan dalam ayat tersebut.

Syarat kedua yang dinyatakan oleh Allah SWT adalah hendaklah catatan itu dibuat secara adil. Ibn Kathir (1999) menjelaskan maksud adil di sini dengan katanya: "Iaitu adil dan benar, serta dia tidak menzalimi sesiapa pun dalam catatannya. Dia tidak mencatat melainkan apa yang dipersetujui (oleh kedua-dua belah pihak) tanpa melakukan penambahan dan pengurangan (yang tida berkenaan). Al-Allamah al-Mawardi (2007) menambah, "Keadilan penulis ialah dia tidak membuat penambahan yang memberikan mudarat kepada penghutang serta tidak mengurangkan yang memudaratkan pembiutang".

Melalui ayat ini Allah SWT memerintahkan adanya catatan untuk memperkuat dan memelihara. Apabila timbul suatu pertanyaan bahawa telah ditetapkan di dalam kitab Sahihain dari Abdullah ibnu Umar yang menceritakan bahawa Rasulullah SAW telah bersabda: "*Sesungguhnya kami adalah umat yang ummi (buta huruf), kami tidak dapat menulis dan tidak pula menghitung*".

Maka bagaimakah menggabungkan pengertian antara hadith di atas ini dan perintah mengadakan tulisan (pcatatan)?

Sebagai menjawab persoalan ini dapat dikatakan bahawa hutang piutang itu bila dipandang dari segi hakikatnya mereka tidak memerlukan catatan pada asalnya. Dikatakan demikian kerana *kitabullah* telah dimudahkan oleh Allah SWT dihafal manusia; demikian pula sunnah-sunnah, semuanya dihafal dari Rasulullah SAW. Hal yang diperintahkan oleh Allah SWT untuk dicatat hanyalah masalah terperinci yang kebiasaannya terjadi dalam kehidupan manusia. Maka mereka diperintahkan untuk melakukan hal demikian dengan perintah yang mengandungi arti petunjuk, bukan perintah yang bererti berkewajibban melaksanakannya seperti yang dikatakan oleh sebahagian ulama.

Dalam konteks tafsir ayat tersebut meskipun ayat ini ditujukan kepada aktiviti perniagaan tetapi keperluan mencatat menjadi hal yang sangat penting dan harus dilaksanakan dalam proses menginventarisasikan alat atau barang. Kerana ianya merupakan satu tanggungjawab dan kepercayaan yang tinggi kepada pelaksana prasarana dalam konteks prasarana dakwah itu sendiri.

Pengawasan Prasarana Dakwah

Dalam kontek pengawasan prasarana dakwah adalah kegiatan untuk melaksanakan pengurusan dan pengaturan prasarana agar semua kemudahan

tersebut sentiasa dipelihara dan dalam keadaan baik. Dalam al-Quran surah al-Mujadalah ayat 7 berkenaan pengawasan. Firman Allah SWT:

Maksudnya: “*Tidakkah engkau memikirkan, bahawa sesungguhnya Allah SWT mengetahui segala yang ada di langit dan yang ada di bumi? Tiada berlaku bisikan antara tiga orang melainkan Dialah yang keempatnya, dan tiada (berlaku antara) lima orang melainkan Dialah yang keenamnya, dan tiada yang kurang dari biangan itu dan tiada yang lebih ramai, melainkan ia ada bersama-sama mereka di mana sahaja mereka berada. Kemudian ia akan memberi tahu kepada mereka pada hari kiamat apa yang mereka telah kerjakan. Sesungguhnya Allah SWT Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.*”

(Surah al-Mujadalah 58: 7)

Ayat ini bermaksud, tiada sesuatu pun yang ghaib dariNya dan tiada sesuatu pun yang tersembunyi dariNya serta tiada sesuatu pun yang terlupakan olehNya. Kemudian Allah SWT menceritakan tentang ilmuNya yang meliputi semua makhluk, bahawa Dia Maka Teliti terhadap mereka, Maha Mendengar semua ucapan mereka, lagi Maha Melihat tempat mereka di mana pun mereka berada.

Ketika membicarakan berkenaan ruang lingkup prasarana dakwah keperluan aspek pengawasan dalam mengelola prasarana perlu dilakukan agar manusia sentiasa berhati-hati dalam melaksanakan segala amanah kerana Allah SWT Maha Mendengar dan Maha Mengetahui segala perlakuan manusia.

Penyaluran Prasarana Dakwah

Tabligh bermaksud penyampaian pesan kepada orang lain dari apa yang diamanahkan kepadanya. *Tabligh* adalah salah satu sifat yang dimiliki Rasulullah SAW. kosa kata *tabligh* di dalam *maqasid Lughah* bermaksud seperti berikut: “*Balagha* dimaksudkan sebagai *al-wusul ila al-Sya'i*, sampai kepada sesuatu (tujuan)”. Kemudian ungkapan *ballaghah farisu* diertikan sebagai penunggang kuda mengulurkan tangannya atas kedali kuda agar lebih cepat berlari. Para parasul adalah penyampai apa yang diamanahkan kepada mereka berupa wahyu Allah SWT, baik yang berkaitan akidah, syariah ataupun akhlak.

Para rasul adalah komunikator yang bertugas menyampaikan wahyu Allah SWT sebagaimana tercantum pada Surah al-Ma''idah 67, Surah al-An'am:19, Surah al-A'raf:158. Surah al-Nahl:64, Surah Fussilat: 41, Surah al-Fath:29, Surah al-Anbiya': 107, dan surah al-Furqan: 56.

Keberadaan Rasul sebagai *mubaligh* tercantum antara lain pada surah al-Ma''idah ayat 67 dan 99 dan surah al-An'am ayat 19. Firman Allah SWT:

Maksudnya: “*Wahai Rasul! Sampikanlah apa yang diturunkan Tuhanmu kepadamu. Jika tidak engkau lakukan (apa yang diperintahkan itu) bererti engkau tidak menyampaikan amanatNya. Dan Allah memelihara engkau dari (gangguan) manusia. Sesungguhnya Allah tidak memberi petunjuk kepada orang-orang kafir*”

(Surah al-Ma'idakah 5: 67)

“*Kewajipan Rasul tidak lain hanyalah menyampaikan (amanah Allah), dan Allah mengetahui apa yang kamu tampakkan dan apa yang kamu sembunyikan*”

(Surah al-Maidah: 99)

Maksudnya: “*Katakanlah (Muhammad), “Siapakah yang lebih kuat kesaksiannya?” Katakanlah, “Allah, Dia menjadi saksi antara aku dan kamu. Al-Quran ini diwahyukan kepadaku agar dengan itu akau memberi peringatan kepadamu dan kepada orang yang sampai (al-Quran kepadanya). Dapatkan kamus benar-benar bersaksi bahawa ada tuhan-tuhan lainberasma Allah ? Katakanlah, “Aku tidak dapat bersaksi.” Katakanlah, “Sesungguhnya hanya Dialah Tuhan Yang Maha Esa dan aku berlepas diri dari apa yang kamu persekutuan (dengan Allah)”*

(Surah al-An'am 6: 19)

Ayat ini menunjukkan kepada Nabi Muhammad SAW supaya menyampaikan apa yang telah diturunkan kepadanya tanpa menghiraukan besarnya tentangan di kalangan Ahli Kitab, orang musyrik dan orang-orang fasik. Ayat ini menganjurkan kepada Nabi Muhammad SAW agar tidak perlu takut menghadapi ganggunan dari mereka dalam membentangkan rahsia dan keburukan tingkah laku mereka, kerana Allah SWT menjamin akan memelihara Nabi Muhammad SAW dari ganggunan, baik masa sebelum hijrah oleh kafir Quraisy maupun sesudah hijrah oleh orang Yahudi.

Apa yang telah diturunkan Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW adalah amanah yang wajib disampaikan seluruhnya kepada manusia. Menyampaikan sebahagian sahaja dari amanatNya dianggap sama dengan tidak menyampaikan sama sekali. Demikianlah kerasnya peringatan Allah

SWT kepada Nabi Muhammad SAW. Hal tersebut menunjukkan bahawa tugas menyampaikan amanat adalah kewajipan Rasul.

Oleh itu dalam konteks prasarana dakwah penyampaian juga dapat diertikan sebagai penyaluran prasarana. Ianya merupakan merupakan kegiatan berkenaan dengan proses pemindahan prasarana dan tanggungjawab pengelolanya dari agensi kepada agensi yang lain. Dalam konteks prasarana dakwah, terdapat dua pihak yang terlibat iaitu pihak pemilik sumber prasarana (*da'i*) dan pihak penerima prasarana yang disasarkan (*mad'u*).

Sasaran penyebaran prasarana dakwah ini adalah kepada semua kategori prasarana dakwah yang terdiri dari individu, organisasi, institusi kerajaan dan bukan kerajaan sama ada yang terletak di bandar atau luar bandar malah di kawasan-kawasan yang terpencil. Penyaluran prasarana ini dikatakan sangat efektif jika ianya diuruskan oleh *ahlinya*. (Mona Novita: 2017).

PENUTUP

Berdasarkan kepada perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa pengurusan prasarana dakwah menurut perspektif al-Quran adalah sebahagian dari tanggungjawab umat agar proses dakwah Islam dapat dilaksanakan secara sistematik dan terurus. Proses penyediaan prasarana dakwah yang merangkumi Al-Da'wah fi nafsih (Persediaan diri individu), Al-Da'wah al-Fardhiyyah, Al-Da'wah al-Ummah dan Da'i profesional (Takwin al-Du'at) perlu diurus dan ditadbir dengan baik bagi memenuhi kehendak dan keperluan para da'i agar dapat menjadikan ianya medium memudahkan proses dakwah terhadap mad'u. Mankala proses penyelenggaraan prasarana pula mengambil berat dari sudut pencatatan, pengawasan dan penyaluran prasarana dakwah ini hendaklah dipastikan agar ianya diurus dan ditadbir dengan baik dengan mengambil pendekatan pengurusan prasarana dakwah mengikut garis panduan al-Quran dan al-Sunnah.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisyiharkan tiada konflik kepentingan.

SUMBANGAN PENULIS

Konseptualisasi: Azizul Azra Abdul Razak, Mohd. Hisyam Abdul Rahim
Pengumpulan data: Azizul Azra Abdul Razak & Hafizah Abdul Jalil

Penganalisisan data: Azizul Azra Abdul Razak & Hafizah Abdul Jalil

Penulisan: Azizul Azra Abdul Razak & Hafizah Abdul Jalil

Semakan dan penyeliaan: Hisyam Abdul Rahim

PENGHARGAAN

Tiada

RUJUKAN

- Abd. Ghaffar Don & Kamaruzzaman Yusoff. 1999. Peranan Masjid Dalam Menjana Kebangkitan Siasah Islam, dalam Zulkiple Abd. Ghani, et.al. (pnyt.) *Kepimpinan Dakwah dan Politik Islam*. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan.
- Abdullah Syahatah. 1978. *Al-Da'wah al-Islamiyyah Wa al-Ilam al-Dini*, Kaherah: al-Hay'ah al-Mishriyah al-Ammah li al-Kitab.
- Ahmad Mohd Noor Firdaus & Khairunnisa A Shukor. 2019. Kurikulum Pendidikan Islam para Sahabat: Satu sorotan. *Jurnal al-Munzir* 12 (2): 209.
- Al-Mawardi. 2007. *Al-Ahkam al-Sultaniyyah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Arieff Salleh Rosman & Yahaya Jusoh. 2014. *Tafsir Maudhu'iyyah: Politik Dan Urus Tadbir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Burhanuddin Abdul Jalal. 2007. Cabaran Dakwah Islamiah Masa Kini. Rencana Blog Dr Burhanuddin Jalal. Dicapai pada 12 Disember 2023. <https://burhanuddin63.blogspot.com/2007/11/cabaran-dakwah-islamiah-masa-kini.html>
- Burhanuddin Jalal, Amnah Saayah Ismail & Sayuti Ab Ghani. 2018. Dinamika pendakwah melaksana dakwah pelbagai etnik. *Journal of Education and Social Sciences* 9 (1): 45-51.
- DBP. 2015. *Kamus Dewan*, ed. ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Hamka. 1990. *Tafsir al-Azhar*. Jakarta: Pustaka Panjimas.
- Ibnu Kathir. 1999. *Tafsir al-Quran al-Azim*. Kaherah: Dar al-Tiba'ah.
- Mona Novita. 2017. Sarana dan prasarana yang baik menjadi bagian ujung tombak keberhasilan lembaga pendidikan Islam, *Nur El-Islam Jurnal Pendidikan dan Sosial Keagamaan* 4 (2), 97-129.
- Muchlis Muhammad Hanafi et.al. 2019. *Tafsir Maudhu'i, Tafsir al-Qur'an Tematik*. Jakarta: Pt Lentara Ilmu Makrifat.
- Muhammad Abduh. t.t. *Tafsir al-Manar*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Quraish Shihab. 2002. *Tafsir al-Misbah, Pesan, Kesan dan Keserasian al-Quran*. Cet. 1. Vol 10. Jakarta: Lentara Hati.

- Sayyid Qutb. 1992. Peranan agama dalam pendidikan. Dalam. Syed Muhammad al-Naquib al-Attas. *Tujuan dan objektif pendidikan Islam* (terj.) Samsudin Jaapar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syukriadi Sambas. 2009. Pemikiran dakwah Muhammad Abdurrahman dalam *Tafsir al-Manar*. Tesis Phd. Universitas Islam Negeri (UIN) Syarif Hidayatullah, Jakarta.

Pengarang:

*Azizul Azra Abdul Razak, (Pengarang Koresponden)
Universiti Tun Hussein Onn,
Johor, Malaysia.
Emel: gl190008@student.uthm.edu.my

Mohd. Hisyam Abdul Rahim
Universiti Tun Hussein Onn,
Johor, Malaysia.
Emel: mdhisyam@uthm.edu.my

Hafizah Abdul Jalil
Universiti Tun Hussein Onn,
Johor, Malaysia.
Emel: gl190002@student.uthm.edu.my